

KENYATAAN MEDIA

MALAM KEBUDAYAAN TAMAN PUTRA DAMAI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sekali lagi akan bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling untuk menganjurkan Malam Kebudayaan Taman Putra Damai ataupun Program Mesra Rakyat PPR. Program yang diadakan pada 14 April 2012 ini akan diadakan di perkarangan Blok F, Taman Putra Damai, PPR Lembah Subang bermula dari jam 8.00 malam hingga 12.00 malam.

Program ini diadakan bertujuan untuk membawa mesej kepada masyarakat betapa pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat. Melalui program ini juga ia dapat menjadikan seni dan hiburan itu sebagai salah satu medium utama untuk menyalurkan maklumat atau informasi berkenaan antidadah selain bersisoal dan beramah mesra sesama penduduk. Di samping itu, melalui penganjuran Malam Kebudayaan Taman Putra Damai ini juga dilihat mampu untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan mengamalkan gaya hidup berk komuniti yang mantap melalui aktiviti kesenian. Melalui penganjuran ini juga, masyarakat setempat dapat diperkenalkan dengan Skwad sebagai sukarelawan AADK agar sentiasa prihatin mencegah gejala dadah di kawasan tempat kediaman masing-masing.

Antara objektif penganjuran Malam Kebudayaan Taman Putra Damai ini ialah ia dijadikan sebagai medium untuk meyalurkan maklumat tentang bahaya dan kesan-kesan negatif najis dadah yang disampaikan menerusi seni dan persembahan. Program ini juga dilihat mempunyai kekuatan tersendiri untuk mencungkil bakat dan daya kreativiti ahli skuad dalam menyebarkan mesej tentang bahayanya najis dadah secara khususnya. Tidak ketinggalan, melalui penganjuran dan penglibatan masyarakat setempat, ia dapat meningkatkan hubungan baik ahli-ahli Skwad, AADK, MBPJ dan seterusnya penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Ini juga merupakan antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak AADK untuk mendapatkan bantuan penduduk demi untuk memelihara dan mendapatkan sokongan dari mereka secara berterusan. Tidak ketinggalan, program ini juga dapat membantu untuk mendidik ahli-ahli Skwad yang mana usaha untuk memerangi dadah iut boleh dilaksanakan melalui pelbagai cara dan medium yang berbeza.

Pelbagai aktiviti yang telah disediakan bagi mengisi program Malam Kebudayaan Taman Putra Damai ini antaranya ialah Pertandingan Seni Antidadah yang melibatkan persembahan peserta-peserta yang mewakili Blok A,B,C,D,E,F,G,H, Apartment Seri Menanti dan Apartment Vista Subang. Bagi pertandingan ini, para peserta bebas memilih jenis dan bentuk persembahan mereka namun setiap persembahan itu haruslah kreatif dan bertemakan antidadah. Persembahan yang kemas, kreatif dan padat dengan mesej layak dinilai sebagai pemenang.

Antara aktiviti menarik yang lain bakal menanti pengunjung ialah pameran dan kaunter maklumat tentang AADK, kuiz anti dadah, pendaftaran keahlian SKUAD antidadah dan perkongsian pengalaman dengan bekas-bekas penagih dadah.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan MALAM KEBUDAYAAN TAMAN PUTRA DAMAI ini orang ramai boleh datang Jabatan Pembanguann Kemasyarakatan, Tingkat 7, Bahagian Pembangunan Komuniti, Sosial dan Belia, Menara Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau menghubungi talian 03 7956 0206.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my